



Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PERALATAN ICT DAN AUDIO VISUAL DI KUALA LUMPUR AIR TRAFFIC CONTROLLER (KLATCC)

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
CAAM/Q 002/2025	210102 dan 210105	TIADA	TIADA	21/01/2025 (sebelum 12:00 tengah hari)

2. Tawaran in dilaksanakan melalui atas talian (*online*). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web <https://speed2u.my> sebelum menyertai tawaran ini. Sekiranya terdapat pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SPEED di talian 03-78854111 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my.
3. Pembekal perlu mendapatkan Nombor Pin daripada CAAM dengan mengisi borang permohonan *online* melalui pautan di bawah sebelum pembekal dapat mengakses sistem dan memuat turun dokumen Sebut Harga. No. Pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran (sekiranya berkaitan). Sebarang bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **ATAS TALIAN (BANK IN) (3811340215-PUBLIC ISLAMIC BANK)** atas nama **Civil Authority Aviation of Malaysia (CAAM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mendapatkan satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**
4. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan memuat turun dokumen.
 - i) **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)**
 - ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
5. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen sebut harga melalui web <https://www.speed2u.my> selagi tempoh sebut harga masih berkuatkuasa. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen sebut harga secara atas talian (*online*) sebelum atau pada tarikh dan masa tutup.
6. **Jika sekiranya, sebut harga melibatkan sesi taklimat, pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat/ lawatan tapak sebut harga. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai CAAM.**
7. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
8. **CAAM** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **CAAM** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.
10. Setiap kontraktor/pembekal hendaklah berdaftar dengan SPEED dan memilih pasaran CAAM sebelum mendapatkan dokumen sebut harga.
11. Pembekal hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi akan dikenakan Fi perkhidmatan sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi kontrak yang melibatkan beberapa pembayaran (*multiple payment*) ATAU 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi perolehan yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.
12. Sebarang pertanyaan perlu dikemukakan kepada Urus Setia perolehan melalui emel unit.perolehan@caam.gov.my atau hubungi talian 03-88714137/4120/4033/4287.
13. **PEMBEKAL PERLU MEMBUAT PENDAFTARAN UNTUK MENYERTAI SEBUT HARGA DI PAUTAN <https://forms.gle/2wBvwTVw5JJytxmb9>**